

28/01/2001

Pemimpin Singapura sepatutnya lebih peka

PETALING JAYA: Pemerintah Singapura perlu belajar daripada kesilapan kenyataan Perdana Menteri, Goh Chok Tong yang mengguris hati masyarakat Melayu negara ini supaya tidak mengulanginya pada masa depan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, kehidupan berjiran antara Malaysia dan Singapura memerlukan kedua-dua negara menghayati semangat kejiranan dan mengelak daripada menyakiti orang lain.

"Mereka sepatutnya lebih peka terhadap sesuatu perkara dan sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan. Mereka juga perlu tahu had dan batasan serta sensitiviti sesuatu perkara dan tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan," katanya.

Beliau menjelaskan demikian selepas menghadiri Majlis Pelepasan Pandu Misteri 2001 Subang ke Ipoh, anjuran Kelab Sukan & Rekreasi Subang (KSRS) di Stadium MPPJ Kelana Jaya di sini, semalam.

Seramai 190 kakitangan dan keluarga KSRS mengambil bahagian dalam acara mencari harta misteri yang akan berakhir di Ipoh. Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan.

Muhammad berkata, Singapura sepatutnya lebih peka dan mengetahui batasan sekiranya mengeluarkan sebarang komen dan lebih berwaspada sebelum mengeluarkan kenyataan yang bertujuan memandang rendah terhadap orang lain.

Beliau menyokong pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan orang Melayu di Malaysia tidak boleh disifatkan lemah, sebaliknya mampu melaksanakan tanggungjawab besar.

Katanya, tidak ada sesiapa yang boleh menganggap orang Melayu Malaysia sebagai masyarakat yang lemah dari aspek pemikiran, sekali gus menyebabkan menyebabkan mereka tidak mampu melaksanakan tanggungjawab besar.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu membandingkan pencapaian orang Melayu negara ini dengan Singapura seperti yang dilakukan Goh Chok Tong dan menganggap tindakan Goh sebagai hal ehwal dalaman Singapura.

Ketika ditanya sama ada Goh perlu meminta maaf kepada Malaysia secara terbuka, beliau berkata, perkara itu terserah kepada Goh untuk membuat keputusan.

"Sejak Singapura keluar dari Malaysia pada 1965, hubungan kedua-dua negara kurang akrab sebagai negara jiran dan anggota Asean.

"Sepatutnya mereka lebih peka dan mengambil berat mengenai keadaan dan kedudukan jiran supaya setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak menyinggung perasaan orang lain," katanya.

(END)